

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 5 TAHUN 1978**

#### **PERUSAHAAN MEMBUAT BATU-BATA/BATA JOKONG**

Tujuan Pekeling ini adalah untuk memaklumi PHT/PHT tentang tanah-tanah PERTANIAN yang sedang dan akan digunakan untuk membina ‘gok bata’ bagi menjalankan perusahaan bata-bata jokong adalah dikehendaki ditukar syarat dan jenis penggunaannya di bawah Seksyen 124 KTN kepada PERUSAHAAN.

2. Di seluruh Negeri Kelantan terdapat kilang-kilang kecil yang dipanggil ‘gok bata’ untuk menjalankan perusahaan mengeluarkan batu-bata jokong. Kerja-kerja membakar batu-bata di satu-satu gok lazimnya dijalankan hanya di antara sekali hingga tiga kali sahaja setahun iaitu selepas menuai padi dengan jumlah pengeluaran 30000 hingga 400000 keping bata. Gok-gok bata ini didirikan di atas tanah-tanah persendirian. Oleh itu tuan-tuan tanah yang berkenaan adalah membayar hasil tanah mengikut kadar hasil tanah pertanian; tetapi bayaran mengalih atau memindahkan bata-bata lazimnya di bayar mengikut kadar 50 sen seula padu mengikut L.R. 21.
  
3. Mengikut seksyen 117 (2) (a) KTN bangunan gok bata itu adalah disifatkan sebagai bangunan untuk perusahaan. Oleh itu tanah yang berkenaan itu perlu diubah jenis penggunaan daripada pertanian kepada perusahaan.

4. Setelah mengkaji dan menimbang Kertas Bil 14/473/78/(8) MMK telah membuat ketetapan sebagai dasar bahawa tanah-tanah pertanian yang sedang dan akan digunakan sebagai tapak kilang gok bata adalah dikehendaki ditukar jenis kegunaannya kepada PERUSAHAAN mengikut seksyen 124 KTN dengan dikenakan Premium Tambahan mengikut dasar yang berjalan sekarang sebagaimana dalam Pekeliling PTG.(KN) BIL 7/1976.

t.t  
**(Mohd Tajol Aros bin AHmad)**  
Pengarah Tanah Dan Galian  
Kelantan

**KEPADА:**

Semua Pemungut-Pemungut Hasil Tanah  
Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri

YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.

Juru Odit Negeri Kelantan

Pengarah Ukur Negeri Kelantan

Pengarah Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan.

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN, KOTA BHARU.**

**FAIL:** PTG. (KN) BIL 2876/(25)

**KOTA BHARU:** 3HB OKTOBER 1978